

Headline	Pemeriksaan menyeluruh perlu dalam usaha banteras dadah: Abdul Hamid		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	17 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	11	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	316 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,531
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,593



Pemeriksaan menyeluruh perlu dalam usaha banteras dadah: Abdul Hamid

OLEH ROZZALIN HASHIM
 rozzalin@newsabahtimes.com.my

SANDAKAN: Dalam usaha membanteras bahaya penyalahgunaan dadah yang menjadi musuh utama negara, pemeriksaan perlu dilakukan secara menyeluruh tanpa mengecualikan sesiapa pun.

Ketua Penerangan Umno Bahagian Sandakan, Abdul Hamid Sabal, menegaskan bahawa pemeriksaan selalunya tertumpu kepada orang awam termasuk juga warga asing dalam satu-satu operasi yang dijalankan tetapi ia belum cukup untuk membanteras masalah tersebut.

Beliau berkata, seandainya pemeriksaan cuma tertumpu terhadap golongan berkenaan maka matlamat sebagaimana mesej kepada umum mengenai dadah dan kesan kepada masyarakat tidak akan sampai.

“Yang saya maksudkan ialah sepatutnya pemeriksaan turut dilakukan kepada kakitangan kerajaan mahupun sektor swasta sebab difahamkan bahawa konon ada juga segelintir kakitangan yang turut terjebak dalam kancah penagihan khususnya gejala dadah jenis syabu,” katanya.

Hamid menyatakan demikian ketika berucap menutup Program Damai anjuran Biro Hal-Ehwal Wanita Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Daerah Sandakan dengan kerjasama Pergerakan Puteri Umno Bahagian Sandakan di Dewan Masyarakat, di sini, petang Sabtu lepas.

Lebih 100 orang warga bandar Sandakan menghadiri program yang dimeriahkan pelbagai persembahan menarik seperti nyanyian dan pameran termasuk sesi soal jawab.

Sesi soal jawab dan ceramah mengenai dadah dan kesannya disampaikan oleh Presiden Persatuan Kumpulan Sokongan Aids Sandakan (SAGA), Doktor Zaiton Yahaya yang mengutarakan pelbagai pendekatan dan inisiatif pihak kerajaan dalam membanteras habis-habisan musuh utama negara itu.

Turut dibuka kepada pengunjung ialah kaunter keahlian Puteri Umno dan PEMADAM Sandakan serta pemeriksaan saringan HIV oleh SAGA.

Program yang mendapat sambutan menggalakkan ini adalah bertemakan ‘Dadah Musnahkan Akal dan Iman’.

Hamid berharap pengunjung yang datang ke program itu dapat memanfaatkan ilmu yang diperolehi mengenai bahaya penyalahgunaan dadah yang menjadi musuh negara

melalui ceramah yang telah disampaikan penceramah jemputan.

Beliau turut merakamkan sekalung tahniah kepada pihak penganjur, Biro Hal-Ehwal Wanita (PEMADAM) Sandakan dan Pergerakan Puteri Umno Sandakan serta agensi terlibat kerana menganjurkan program yang dilihat sebagai program kemasyarakatan yang baik sekaligus membantu pihak kerajaan merealisasikan hasrat negara bebas dadah.

Terdahulu, dalam ucapan alu-aluannya, Pengerusi PEMADAM Sandakan, Noraini Sulong berkata, program yang dijalankan dengan kerjasama beberapa pihak itu antara lain bertujuan menyampaikan mesej kepada umum mengenai dadah dan kesan kepada masyarakat.

Setiausaha PEMADAM Sandakan, Yakub Ajak, pengerusi-pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) sekitar Sandakan dan penduduk setempat turut hadir bagi menjayakan program julung kalinya ini.

Headline	Pemeriksaan menyeluruh perlu dalam usaha banteras dadah: Abdul Hamid		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	17 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	11	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	316 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,531
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,593



TUMPU PERHATIAN ... Sebahagian hadirin yang terdiri dari golongan ibu bapa dan pelajar sekolah mendengar ceramah dari penceramah jemputan.



PENGHARGAAN ... Hamid (dua dari kanan) menerima cenderahati kenangan disampaikan Ketua Pergerakan Puteri Umno Sandakan, Siti Haiba Majid pada majlis itu.

Headline	Pemeriksaan menyeluruh perlu dalam usaha banteras dadah: Abdul Hamid		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	17 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	11	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	316 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,531
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,593



CERAMAH ...
Dr Zaiton
semasa
menyampai-
kan ceramah
mengenai
bahaya
penyalahgun-
aan dadah
dan
kesannya
kepada
masyarakat.